

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 11
SURAT

Pelaksanaan 20 tindakan pastikan RMK13 perkukuh tatakelola awam

17 Ogos 2025

Komentari

Pelaksanaan 20 tindakan pastikan RMK13 perkukuh tatakelola awam



Pengarah Urusan
Kumpulan, World
Trade Centre Kuala
Lumpur (WTCCL)

Oleh Datuk Seri Dr. Ibrahim Ibrahim
ibrahim@bh.com.my

Ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), bagi tempoh lima tahun dari 2026-2030 pada 31 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi penekanan khusus.

Katanya, RMK13 bertujuan melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia negara maju memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia.

Dapat dilihat, RMK13 bukan hanya perancangan pembangunan keabadian, tetapi litam moral, akhlak dan etika untuk menegakkan negara yang adil. RMK13 adalah kesinambungan kepada dasar Ekonomi MADANI yang diperkenalkan ketika Kajian Separuh Pengant RMK12, dua tahun lalu.

Sehubungan dengan itu, penumpuan RMK13 berfokus kepada tiga teras utama iaitu 'menaikkan siling, menaikkan lantai dan memperkukuh tatakelola baik'.

Soalnya, bagaimana RMK13 boleh dan mahu memperkukuh tatakelola baik. RMK13 menekankan tatakelola baik menjadi paksi kepada pentadbiran negara bagi memastikan kekayaan diagihkan dengan saksama untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi.

Dalam tempoh RMK13, usaha diteruskan untuk memperkukuh integriti dan akauntabiliti, mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan pengurusan fiskal.

Pendekatan keseluruhan negara melalui kerjasama antara rakyat, perniagaan, pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan kerajaan akan diguna pakai bagi meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

Capai sasaran kedudukan 25 teratas CPI

Usaha memantapkan tatakelola baik ini dijangka menyumbang kepada pencapaian aspirasi Ekonomi MADANI untuk Malaysia berada pada kedudukan 25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan 12 teratas Ranking Daya Saing Dunia serta mengurangkan defisit fiskal di bawah 3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Berdasarkan penerangan dalam RMK13, prinsip integriti dan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam, termasuk anggota pentadbiran adalah antara aspek penting untuk mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Di bawah tiga strategi utama berkaitan tatakelola, terdapat sekurang-kurangnya 20 tindakan akan diambil kerajaan bagi memastikan tatakelola dilaksanakan dan diperkukuh bagi mencapai tema RMK13 secara komprehensif, merangkumi:

- Pelaksanaan inisiatif di bawah Strategi Pembanteras Rasuah Nasional 2024-2028 serta Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang sedang giat dijalankan bagi menangani isu rasuah dan memperbaiki kedudukan negara dalam CPI.

- Memperkasa Unit Integriti bagi membanteras rasuah dalam sektor awam dengan pendekatan berasaskan pemahaman tingkah laku, bertujuan untuk penjawat awam yang berintegriti dan bertanggungjawab.

- Mekanisme semak dan imbang dalam perkhidmatan awam diperkukuh bagi mempertingkatkan tahap akauntabiliti serta ketelusan pentadbiran kerajaan.

- Pemantauan dan penilaian prestasi Kementerian diperkemas melalui pengenalan petunjuk keberhasilan diselaraskan dengan petunjuk ekonomi makro terpilih serta pelaporan terus kepada Perdana Menteri.

- Sistem pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar RMK13 iaitu MyRMK sedang dibangunkan dan diselaraskan dengan pelbagai sistem pemantauan lain seperti milik Kementerian Kewangan, Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Unit Pantau MADANI dan Pusat Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Negara.

- Prestasi RMK13 akan dipantau hingga ke peringkat Jemaah Menteri bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan projek pembangunan.

- Agenda reformasi perkhidmatan awam turut dilaksanakan melalui penambahbaikan penyampaian perkhidmatan berasaskan prinsip ILTIZAM, pemerkasaan GovTech dan pengukuhan ekosistem ekonomi sosial.

- Semakan mandatori terhadap instrumen kawal selia secara berkala akan dijalankan bersama pelaksanaan Dasar Satu Masuk Satu Keluar untuk meningkatkan keberkesanan peraturan.

- Garis panduan pengurangan beban kawal selia juga digalakkan untuk diterima pakai oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

- Penambahbaikan undang-undang membabitkan semakan semula akta sedia ada dan pengubalan akta baharu. Pembangunan kompetensi dan kepakaran dalam kalangan penjawat awam diberi perhatian supaya kekal relevan dan responsif terhadap cabaran semasa.

- Penstrukturan semula institusi dilakukan secara berfasa melalui rasionalisasi jabatan, agensi dan syarikat milik kerajaan. Pemerkasaan GovTech memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), di samping pembangunan seni bina perusahaan (EA) dan infrastruktur awam yang selamat untuk memacu transformasi digital kerajaan.

- Gerbang tunggal sektor awam dan penggunaan MyDigital ID dibangunkan untuk memudahkan capaian rakyat kepada perkhidmatan awam.

- Tatakelola pendigitalan, pembangunan bakat digital serta aspek keselamatan siber dan integrasi data terus diberi penekanan.

- Usaha memperkukuh ekosistem ekonomi sosial sedang dilaksanakan termasuk merasionalisasi agensi dan memusatkan tadbir urus sektor ketiga.

- Pengurusan fiskal pula diperhebat bagi menambah ruang fiskal mampan, dengan pematuhan kepada Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2022.

- Kutipan hasil kerajaan ditambah baik melalui sistem e-invois secara berperingkat sehingga 2026, manakala kecekapan perbelanjaan pula dipertingkatkan menerusi subsidi bersasar dan pengurusan hutang berhemat.

Secara keseluruhan RMK13 yang bertepatan 'Melakar Semula Pembangunan' memperihatkan komitmen untuk menstruktur semula pembangunan sosioekonomi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara, meningkatkan darjat hidup rakyat dan memperkukuh tatakelola baik ke arah merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI. Kita tiada pilihan kecuali memperkukuh amalan dan pematuhan tatakelola untuk melihat hasil penuh RMK13 demi rakyat dan negara.

Ragam



